



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)
PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

MENDUKUNG KEPERCAYAAN DAN AKAKUNTABILITI

2022-2026



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
CERTIFICATION NO: MY-QMS 00760



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN (OACP)
PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

2022-2026

MENDUKUNG KEPERCAYAAN DAN AKKAUNTABILITI



1 YB DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN
Pegawai Kewangan Negeri
Perbendaharaan Negeri Selangor

2 PUAN SABRINA BINTI ADNAN
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

3 DR. SHAHRIL BIN BAHARIM
Bendahari Negeri Selangor

4 Puan Sharifah Norsalina binti Syed Nawawi
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Belanjawan)

5 Encik Mazlan bin Muda
Ketua Penolong Bendahari Negeri
Bahagian Naziran dan Khidmat Perundingan



6 Puan Bibi Nurfaritha binti Bashir Ahmad
Ketua Penolong Bendahari Negeri
Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan

7 Encik Suzaini bin Ahmad
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Khidmat Pengurusan)

8 Encik Zahrul Afindi bin Zinil Abeden
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Hasil)

9 Puan Nurulazwin binti Yahaya
Ketua Penolong Bendahari Negeri
(Dana & Terimaan)

10 Puan Azizi Rafidah binti Abd Rashid
Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Analisa Pemantauan Pelaburan & Pinjaman)



KANDUNGAN

VI Kata-kata Aluan Pegawai Kewangan Negeri Selangor

VII Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi PNS

VIII Ketua Bahagian PNS

IX Ringkasan Eksekutif

BAB 1 - PENGENALAN

2 Pendahuluan

3 Latar Belakang PNS

4 Timeline Pembangunan Pelan OACP PNS 2022-2026

5 Visi & Misi PNS

6 Nilai & Teras PNS

7 Objektif Strategik PNS

8 Piagam Pelanggan PNS

9 Piagam Integriti PNS

10 Tafsiran Rasuah

11 Punca Utama Rasuah

12 Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNS 2022-2026

13 Bidang-Bidang Berisiko

14 Cabaran-Cabaran PNS

BAB 2 - ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

- 16** Keperluan Kerangka PNS
- 17** Analisis Kuadran
- 19** Pelan Tindakan

BAB 3 - MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 30** Mekanisma Pelaksanaan
- 31** Mekanisma Pemantauan
- 32** Mekanisma Penilaian

BAB 4 - PENUTUP

- 34** Harapan
- 35** Penghargaan

KATA ALUAN

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, pertama sekali saya menzahirkan rasa bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) berjaya membangun dan melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNS bagi tempoh 2022- 2026.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNS 2022–2026 merupakan perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik bagi PNS sebagai organisasi yang terlibat secara langsung ke atas pengurusan fiskal, polisi-polisi dan tadbir urus kewangan Kerajaan Negeri Selangor. PNS telah menetapkan empat bidang keutamaan di dalam kerangka pelan OACP ini iaitu Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Tadbir Urus Korporat, Modal Insan dan Inovasi Digitalisasi. Pembangunan pelan OACP ini merangkumi semua aspek bermula dengan mengenalpasti isu dan risiko rasuah di dalam setiap bahagian, penilaian risiko, inisiatif-inisiatif pencegahan, entiti pelaksana dan jangkaan tempoh pelaksanaan pelan.

Segala perancangan dan strategi yang telah diatur dan direncanakan adalah diharapkan dapat meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga PNS tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti serta menolak sebarang perlakuan rasuah.

Saya berharap pelan OACP ini akan menjadi rujukan dan panduan dalam menangani permasalahan integriti, tadbir urus dan rasuah di PNS. Semoga dengan wujudnya pelan ini akan mempermudah pencapaian visi dan misi serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di PNS.

Saya dengan ini menyeru kepada warga PNS untuk sama-sama memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNS 2022-2026 ini akan tercapai. Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

“MENDUKUNG KEPERCAYAAN DAN AKAUNTABILITI”

YB DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN
S.M.S, P.C.M, A.M.P

Pegawai Kewangan Negeri
Perbendaharaan Negeri Selangor



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI PNS



PUAN SABRINA BINTI ADNAN
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM
S.M.S., C.A.(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri Selangor

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PNS 2022–2026 yang dihasilkan ini mencerminkan komitmen Pengurusan Tertinggi PNS bagi memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dengan memastikan organisasi ini ditadbir dengan telus berpandukan kepada prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan memerangi segala bentuk gejala rasuah.

Pelan OACP PNS yang komprehensif ini merupakan salah satu inisiatif mandatori yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah 'Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam'. Kerangka Pelan OACP PNS ini adalah hasil daripada perbincangan dan beberapa siri bengkel bagi mengenal pasti pelbagai risiko rasuah di bahagian dan unit masing-masing untuk membangunkan pelan yang lengkap dan menyeluruh. Selaku organisasi yang bertanggungjawab secara langsung ke atas kawal selia dan tadbir urus kewangan, analisis kuadran dan objektif strategi telah dirangka dengan menetapkan inisiatif-inisiatif yang direkabentuk bagi mengekang risiko-risiko rasuah ini.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan OACP PNS ini, kami selaku Pengurusan Tertinggi PNS komited dan bertekad untuk memastikan segala usaha untuk memperkasa pencegahan rasuah yang

dirancang dapat dilaksanakan mengikut jangka masa yang dijadualkan. Pelan OACP PNS ini diharap mampu mengawal gejala rasuah melalui objektif strategi yang telah disusun rapi bagi mengawal risiko berdasarkan punca-punca yang telah dikenalpasti. Penilaian pencapaian dan semakan semula keberkesanan Pelan OACP PNS ini akan dijalankan setiap 2 tahun sekali bagi memastikan inisiatif-inisiatif yang dirangka berkesan di dalam mengatasi permasalahan yang timbul.

Akhir kata, kami berharap Pelan OACP PNS ini akan dijadikan panduan oleh warga PNS di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, seterusnya dapat menerapkan nilai etika dan tadbir urus yang mantap dan berintegriti serta menjadi budaya kerja warga PNS.

JAWATANKUASA

PELAN OACP PNS



Puan Sharifah Norsalina binti Syed Nawawi
Ketua Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Belanjawan)



Encik Mazlan bin Muda
Ketua Penolong Bendahari Negeri
(Perkhidmatan Operasi &
Perakaunan)



Encik Shahrul Adha bin Md Shah
Ketua Penolong Bendahari Negeri
(Naziran & Khidmat Perundingan)



Encik Suzaini bin Ahmad
Ketua Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Khidmat Pengurusan)



Encik Zahrul Afindi bin Zinil Abeden
Ketua Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Hasil)



Encik Mohd Fairuz bin Mohamad Asroh
Ketua Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Perolehan & Pengurusan Aset)



Puan Nurulazwin binti Yahaya
Ketua Penolong Bendahari Negeri
(Dana & Terimaan)



Puan Azizi Rafidah binti Abd Rashid
Penolong Pegawai Kewangan
Negeri
(Analisa Pemantauan Pelaburan
& Pinjaman)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan OACP PNS merupakan dokumen yang dihasilkan dengan menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah seiring dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu di bawah inisiatif 2.1.5 yang telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam.



PENGLIBATAN BAHAGIAN PNS



BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABUL AZIZ SHAH
بانشون سلطان صلاح الدين عبدالعزيز شاه



MATLAMAT PELAN OACP PNS

Matlamat Pelan OACP PNS ini adalah untuk **menjadikan warga PNS ke arah bebas rasuah dan berintegriti tinggi** dengan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik.

MATLAMAT

STRATEGI
DAN PELAN
TINDAKAN

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

Empat (4) bidang keutamaan yang berisiko telah dikenalpasti untuk diberi perhatian adalah **Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Tadbir Urus Korporat, Modal Insan dan Inovasi Digitalisasi**.

Bagi menangani risiko yang telah dikenalpasti, dokumen ini telah menggariskan empat (4) strategi utama yang merangkumi 11 objektif strategik serta 63 inisiatif secara keseluruhan yang akan dilaksanakan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

MEKANISME

MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantauan dan penilaian secara sistematik adalah penting bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka. **Penilaian pencapaian dan semakan semula keberkesanan**

Pelan OACP PNS ini akan dilaksanakan setiap **dua (2) tahun sekali** bagi memastikan inisiatif dan pelan tindakan yang telah dirangka berjaya menangani permasalahan yang boleh menjejaskan visi dan misi PNS.



“**Telah seringkali Beta
ingatkan untuk tidak
melibatkan diri dengan
gejala rasuah yang boleh
merosakkan bangsa dan
Negara**”

**DYMM Sultan Selangor
Titah Pembukaan Persidangan Dewan Negeri
23 Ogos 2021**



PELAN
**ANTIRASUAH
ORGANISASI**
(OACP) PNS 2022-2026

BAB 1 PENGENALAN



PENDAHULUAN

PNS sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu integriti, governans dan antirasuah di dalam organisasi bagi memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam adalah telus dan berintegriti.

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah digubal dan dilancarkan oleh kerajaan pada 23 April 2004 dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor negara dan masyarakat terhadap pembudayaan integriti di Malaysia.

Lanjutan itu, PNS mengambil inisiatif membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Tahun 2022-2026 berdasarkan kepada empat (4) bidang keutamaan dan menggariskan pelan tindakan praktikal bagi membendung gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa, menangani isu integriti serta menambahbaik tadbir urus. Setiap tindakan akan dipantau dan dinilai melalui mekanisme tertentu dari semasa ke semasa bagi memastikan usaha-usaha pencegahan rasuah dan memperkasa tadbir urus jabatan adalah sentiasa relevan serta mencapai matlamat pembangunan pelan.



SCORE	COUNTRY/TERRITORY		
88	New Zealand	40	Maldives
85	Singapore	39	Vietnam
76	Hong Kong	38	Indonesia
73	Australia	37	Sri Lanka
73	Japan	35	Mongolia
68	Bhutan	35	Thailand
68	Taiwan	33	Nepal
62	Korea, South	33	Philippines
55	Fiji	31	Papua New Guinea
48	Malaysia	30	Laos
45	China	28	Myanmar
45	Vanuatu	28	Pakistan
43	Solomon Islands	26	Bangladesh
41	Timor-Leste	23	Cambodia
40	India	16	Afghanistan
		16	Korea, North

#cpi2021

www.transparency.org/cpi

This work from Transparency International (2021) is licensed under CC BY-ND 4.0

LATAR BELAKANG PNS

Melalui Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Seksyen 52 (1) memperuntukkan:

“Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri; dan pelantikan ke jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan”.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 Seksyen 52(2)(c) pula menetapkan “Pegawai Kewangan Negeri” hendaklah menjadi pegawai utama yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kewangan Negeri.

Berdasarkan peruntukan tersebut, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) telah diwujudkan dan bertanggungjawab dalam tadbir urus kewangan Negeri Selangor berpandukan Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan.

PNS berperanan menyediakan perancangan kewangan Negeri khususnya ke atas penyediaan anggaran hasil tahunan dan perbelanjaan awam Negeri Selangor selari dengan dasar-dasar yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

PNS juga bertanggungjawab memastikan tadbir urus kewangan yang baik melalui pengawalan bayaran dan memastikan rekod kewangan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawahnya diselenggara dengan sempurna dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Struktur organisasi PNS diketuai oleh YB Pegawai Kewangan Negeri dan disokong oleh lapan (8) Bahagian utama iaitu:

Bahagian Belanjawan

Bahagian Pengurusan Hasil

Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman

Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset

Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan

Bahagian Naziran dan Khidmat Perundingan


Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.”

(Al-Baqarah : 188)

TIMELINE PEMBANGUNAN PELAN OACP PNS 2022-2026



VISI & MISI PNS

Visi



**Menerajui
Kecemerlangan Dalam
Perkhidmatan Dan Pengurusan
Kewangan Berintegriti**

Misi



**Melaksanakan Amalan Terbaik
Dalam Tadbir Urus Korporat**

**Mempertingkatkan Akauntabiliti Awam
Dalam Pengurusan Dan Pelaporan
Penyata Kewangan**

**Melaksanakan Inovasi Dalam Ekosistem
Penyampaian Awam**

**Membangunkan Ilmu Pengetahuan Dan
Skil Kompetensi Modal Insan**


NILAI TERAS PNS

Dalam melaksanakan segala komitmen PNS juga memperkenalkan lima (5) Nilai Teras sebagai nilai utama dalam kalangan warganya iaitu:



Responsif

Peka dan prihatin kepada kehendak & keperluan organisasi disamping memahami situasi semasa dan dapat bertindak bagi mencari penyelesaian terbaik demi kesejahteraan & kebajikan semua.



Strategik

Bertindak secara strategik dalam tugas seharian bagi perkhidmatan yang prihatin, berkualiti dan mesra.



Integriti

Sebagai sebuah organisasi yang melaksanakan tanggungjawab menyedarkan dan mendidik masyarakat mengenai integriti yang menjadi nilai teras utama dalam organisasi.



Kerja Berpasukan

Kerjasama adalah nilai teras utama yang mampu menentukan jatuh bangun sesebuah organisasi. Lebih-lebih lagi PNS turut memberi fokus kepada penjana hasil baru.



Profesional

Profesional juga dipilih sebagai nilai teras utama organisasi. Ini sangat penting dalam pelaksanaan aktiviti yang melibatkan pelbagai pihak dan agensi di pelbagai peringkat.

OBJEKTIF STRATEGIK PNS

Bagi merealisasikan Visi dan Misi yang ditetapkan, PNS telah mengenal pasti objektif strategik yang perlu dilaksanakan iaitu;

Nabi Muhammad SAW bersabda : “Barang siapa yang telah kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya sesuatu rezeki (gaji atau upah), maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul (pengkhianatan)”

(Riwayat Abu Daud, no 2943, Albani : Hadith Sohih ; Ma'alim as-Sunan, Al-Khattabi, 3/8 cet Dar Kutub Ilmiah)

- ▶ Memantapkan pengurusan organisasi
- ▶ Memantapkan pengurusan kewangan
- ▶ Memperkasa dan mengoptimumkan pengurusan teknologi maklumat
- ▶ Memantapkan pengurusan pelanggan dan mempertingkatkan imej Jabatan pada perspektif pelanggan
- ▶ Meningkatkan keupayaan kutipan hasil
- ▶ Mengawal dan memantau prestasi perbelanjaan Jabatan
- ▶ Pengeluaran waran am kepada Jabatan mengikut masa yang ditetapkan
- ▶ Menyediakan belanjawan Negeri selaras dengan dasar dan strategi Kerajaan Negeri
- ▶ Memantapkan pengurusan sumber manusia dan modal insan
- ▶ Penyediaan Penyata Kewangan Negeri kepada semua pihak berkepentingan dan memastikan mendapat Sijil Audit Bersih dari Jabatan Audit Negara



PIAGAM PELANGGAN PNS

PNS berjanji akan:

- ▶ Mengeluarkan Waran Am dan Waran Peruntukan tidak lewat dari 31 Disember;
- ▶ Memberi ulasan Perbendaharaan ke atas Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan tertakluk kepada kesempurnaan maklumat Kertas-Kertas MMKN berkenaan;
- ▶ Memberi keputusan Pindah Peruntukan Mengurus dan Pembangunan tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan permohonan tertakluk kepada kesempurnaan kertas-kertas permohonan;
- ▶ Memberi keputusan ke atas permohonan yang lengkap bagi mendapatkan pengecualian daripada peraturan kewangan semasa dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan diterima;
- ▶ Mengakaunkan penerimaan hasil dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh penerimaan Penyata Pemungut;
- ▶ Menyiapkan cek dalam tempoh lima (5) hari bagi baucar yang sempurna;
- ▶ Memproses permohonan pinjaman anak syarikat/badan berkanun/agensi bagi pertimbangan MMKN dalam tempoh empat (4) minggu;
- ▶ Menjawab pertanyaan/pemerhatian Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara/ Arahan Perbendaharaan;
- ▶ Menguruskan pembayaran gaji bulanan kepada kakitangan Kerajaan Negeri berpandukan kepada tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara;
- ▶ Menyiapkan cek ganti dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap;
- ▶ Memproses baucar pembayaran bekalan/perkhidmatan/kerja kepada pembekal tidak lewat 14 hari dari tarikh penerimaan invois dan tuntutan-tuntutan; dan
- ▶ Memproses permohonan pulangan balik hasil yang lengkap dalam tempoh 14 hari.

PIAGAM INTEGRITI PNS

PNS berjanji akan:

- ▶ Melaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua (2) hari selepas menerima aduan rasuah dan salah guna kuasa;
- ▶ Membuat penjadualan semula tugas pegawai setiap tiga (3) hingga lima (5) tahun;
- ▶ Membuat semakan semula setiap lima (5) tahun terhadap proses kerja yang berisiko; dan
- ▶ Semakan keberkesanan Pelan OACP PNS setiap dua (2) tahun sekali.

“Nabi SAW bersabda kepada seorang gabenornya yang telah ditugaskan mengutip zakat kabilah Azad, maka apabila ia selesai kerjanya dan kembali berjumpa Nabi, lalu ia menyimpan sebahagian dari wang yang dikutip sambil berkata: “Ini untukmu (bahagian untuk Islam) dan ini untukku yang diberikan sebagai hadiah (oleh orang ramai), maka jatuh murka Baginda sambil bersabda : “Ketahuilah, pergilah kamu duduk di rumah bapamu atau ibumu, sehingga datang kepadamu hadiahmu, jika kamu benar-benar betul (layak mendapat hadiah)”

(Al-Bukhari & Muslim)

TAFSIRAN RASUAH

Dalam konteks perundangan, rasuah ditafsirkan sebagai **“melakukan sesuatu tindakan walhal mengetahui bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah salah, dan dilakukan dengan perasaan serta niat yang jahat”**. Rasuah juga boleh didefinisikan sebagai **“sengaja melakukan sesuatu tindakan yang ditegah oleh undang-undang”**.

Pengertian istilah rasuah ini tidak terhad kepada pemberian atau penerimaan sesuatu bentuk suapan semata-mata tetapi ianya turut merangkumi **penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pemalsuan**.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009 tidak menetapkan suatu definisi khusus mengenai istilah ‘rasuah’. Namun begitu, Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970 di bawah seksyen 2(2) mentafsirkan istilah “perbuatan rasuah” dalam kalangan pegawai awam sebagai:

“Apa-apa perbuatan oleh mana-mana Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau untuk apa-apa faedahnya yang lain”

Dalam usaha menangani gejala rasuah di negara ini Kerajaan Malaysia meletakkan azam yang tinggi untuk membanteras jenayah rasuah dalam pelbagai sektor. Untuk itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah ditubuhkan semenjak tahun 1967 lagi. Komitmen yang tinggi dan berterusan ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Dengan kuasa-kuasa penyiasatan lebih luas, kuasa-kuasa perundangan, bilangan keanggotaan dan peruntukan yang ditambah, penubuhan SPRM telah memberi persepsi yang lebih baik terhadap usaha pencegahan rasuah oleh kerajaan.

“Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara bersifar penghubung antara kedua-duanya”

Riwayat Ahmad (22399), al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Kabir (1415), al-Baihaqi dalam Syu’ab al-Iman dan al-Hakim dalam al-Mustadrak (7068)

PUNCA UTAMA RASUAH



KERANGKA

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PNS 2022-2026

Kerangka Pelan OACP PNS mengenal pasti misi penting yang menjadi panduan kepada keberkesanan dalam usaha membanteras rasuah di kalangan warga PNS dengan memperkukuhkan ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik.

VISI

Menerajui organisasi pengurusan kewangan awam yang bebas rasuah

MISI

Meningkatkan kecekapan tadbir urus dan memperkukuhkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam

MATLAMAT

Meningkatkan akauntabiliti, kredibiliti dan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan

BIDANG KEUTAMAAN

Pengurusan Kewangan & Perakaunan

Tadbir Urus Korporat

Modal Insan

Inovasi Digitalisasi

STRATEGI

Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Awam Kerajaan Negeri Selangor

Memperkukuhkan Organisasi Melalui Pembudayaan Nilai Etika & Tadbir Urus Korporat Yang Baik

Membangunkan Modal Insan Yang Berintegriti Dan Kompeten

Mewujudkan *Digital Office* & Membina Ekosistem Selamat Terhadap Data & Maklumat Elektronik

BIDANG-BIDANG BERISIKO



i. PENGURUSAN KEWANGAN & PERAKAUNAN

Risiko dalam mewujudkan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap pengurusan kewangan & perakaunan.



ii. TADBIR URUS KORPORAT

Risiko dalam pengurusan dokumen sulit, melahirkan warga PNS yang berdisiplin serta berintegriti tinggi



iii. MODAL INSAN

Risiko dalam membentuk pegawai yang berkompetensi tinggi dan mewujudkan keharmonian serta saling bekerjasama di dalam PNS



iv. INOVASI DIGITALISASI

- Risiko ancaman serangan siber yang menyebabkan kebocoran maklumat sulit
- Risiko perubahan teknologi digital yang pantas menyebabkan PNS terkebelakang berbanding organisasi kewangan awam yang lain.



CABARAN- CABARAN PNS

PNS adalah merupakan peneraju strategik keberhasilan kewangan & ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mampan demi kemakmuran rakyat Selangor.

Berikut merupakan antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh PNS dalam memerangi rasuah:

KAWALAN DALAMAN PERLU BERFUNGSI DENGAN BAIK

Sistem Kawalan dalaman yang baik dapat mengurangkan risiko dan melindungi kerugian. Sistem kawalan dalaman yang tegas oleh pihak pengurusan dan pihak yang terlibat amat penting dalam mengurangkan masalah integriti dikalangan pekerja.

KEBEBASAN AUTONOMI DI DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN TANPA DIPENGARUHI OLEH MANA-MANA PIHAK

Pembaziran dan sumber organisasi dapat dielakkan agar keputusan-keputusan yang dibuat berdasarkan perkara-perkara yang bebas daripada sebarang pengaruh.

TAHAP PEMATUHAN TINGGI TERHADAP PERATURAN DAN PROSEDUR KERJA

Peraturan dan prosedur yang digubal oleh pihak pengurusan merupakan rujukan utama dalam menghasilkan sistem kerja yang teratur dan membentuk disiplin warga kerja. Pelaksanaan proses kerja tidak merujuk kepada peraturan dan prosedur akan menjejaskan keberhasilan dan mutu kerja.

SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

Kegagalan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti boleh mengundang kepada penyampaian maklumat yang tidak menyeluruh kepada warga kerja dan akan melemahkan hubungan dan kepercayaan terhadap hala tuju PNS. Ini akan mewujudkan budaya mementingkan diri, risiko penyalahgunaan sumber dan mengakibatkan usaha meningkatkan mutu perkhidmatan PNS terjejas

KESUKARAN MENGESAN PERLAKUAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA

Perbuatan memberi dan menerima rasuah dalam kalangan warga kerja telah berubah seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi yang sentiasa berubah pada masa kini sehingga mampu mengaburi pihak berkuasa. Aduan penyalahgunaan kuasa juga kurang diterima kerana perlindungan terhadap pengadu yang lemah dan tiada penguatkuasaan dilaksanakan.



PELAN
**ANTIRASUAH
ORGANISASI**
(OACP) PNS 2022-2026

BAB 2 ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN



KEPERLUAN KERANGKA PNS

Pelan ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras dan garis panduan utama dalam usaha membanteras rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Tadbir Urus Korporat, Modal Insan serta Inovasi Digitalisasi. Melalui empat (4) bidang keutamaan tersebut, telah diwujudkan strategi dan objektif strategi seperti di gambarajah 2.1

STRATEGI 1: AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- Mewujudkan Belanjawan Mempunyai Kebolehpercayaan Dan Telus Yang Tinggi
- Memastikan Pelaburan Kerajaan Negeri Mendapat Pulangan Yang Optimum
- Memastikan Pengurusan Perolehan Mematuhi Prinsip-Prinsip Perolehan Kerajaan Negeri
- Memastikan Tiada Ketirisan Di Dalam Pengurusan Kutipan Hasil Dan Wang Awam
- Memastikan Pengurusan Pinjaman Mengikut Tatacara Kewangan Yang Telah Ditetapkan
- Memastikan Pengurusan Tuntutan Dan Bayaran Dibuat Berdasarkan Prosedur Kewangan

STRATEGI 2: MEMPERKUKUKKAN ORGANISASI MELALUI PEMBUDAYAAN NILAI ETIKA DAN TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK

- Mewujudkan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan PNS
- Meningkatkan Integriti Dalam Pengurusan Dokumen Sulit PNS
- Melahirkan Warga PNS Yang Berdisiplin Dan Berintegriti Tinggi

STRATEGI 3: MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI DAN KOMPETEN

- Meningkatkan Kompetensi Dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan

STRATEGI 4: MEWUJUDKAN DIGITAL OFFICE DAN MEMBINA EKOSISTEM SELAMAT TERHADAP DATA DAN MAKLUMAT ELEKTRONIK

- Memperkukuhkan Sistem Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT

ANALISIS KUADRAN

Bagi menentukan keutamaan setiap cadangan inisiatif yang dikemukakan, Jabatan menggunakan kaedah Analisis Kuadran untuk menilai tahap kompleksiti (Kesukaran atau kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif) dan impak pelaksanaan (Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif).

Kuadran A	Kompleksiti pelaksanaan rendah dan inisiatif berimpak tinggi
Kuadran B	Kompleksiti pelaksanaan tinggi dan inisiatif berimpak tinggi
Kuadran C	Kompleksiti pelaksanaan rendah dan inisiatif berimpak rendah
Kuadran D	Kompleksiti pelaksanaan tinggi dan inisiatif berimpak rendah

Secara keseluruhannya, sebanyak 48 tajuk risiko dan 154 inisiatif telah dikenalpasti semasa di peringkat pembangunan pelan seperti dalam gambarajah 2.2 berikut:


Di dalam sebuah riwayat disebutkan bahawa Rasulullah SAW mengutus Abdullah bin Rawahah berangkat ke Khaibar (daerah Yahudi yang tunduk kepada kekuasaan Islam) untuk menilai hasil buah kurma di daerah itu kerana Rasulullah SAW telah memutuskan bahawa hasil bumi Khaibar dibahagi kepada dua; separuh untuk kaum Yahudi sendiri, dan yang separuh lagi diserahkan kepada kaum Muslimin.

Ketika Abdullah bin Rawahah sedang menjalankan tugasnya, orang-orang Yahudi datang kepadanya membawa berbagai perhiasan dan berkata kepada Abdullah:

“Perhiasan ini untuk anda, ringankanlah kami dan berilah kepada kami lebih dari separuh,” Abdullah menjawab, “Wahai kaum Yahudi! Demi Allah kalian memang makhluk Allah yang paling aku benci. Apa yang kalian lakukan ini justeru membuatkan diriku lebih membenci kalian. Rasuah yang kalian tawarkan itu adalah barang haram, dan kami kaum Muslimin tidak memakannya!” Mendengar jawaban tersebut mereka (Yahudi) berkata, “Kerana (sikap) inilah langit dan bumi tetap tegak!”

(Imam Malik, Al Muwattha':1450)

GAMBARAJAH 2.2 - ANALISIS KUADRAN MENGENAL PASTI RISIKO

ANALISIS KUADRAN MENGENAL PASTI RISIKO

Namun demikian PNS menetapkan untuk memberikan keutamaan pelaksanaan terhadap tajuk risiko dan inisiatif kuadran A dalam tempoh pelan melibatkan empat (4) bidang keutamaan seperti perincian dalam jadual 1.

ANALISIS KUADRAN A

BIDANG KEUTAMAAN	BILANGAN TAJUK RISIKO	BILANGAN INISIATIF
Pengurusan Kewangan & Perakaunan	11	33
Tadbir Urus Korporat	6	20
Modal Insan	2	6
Inovasi Digitalisasi	3	4
Jumlah	22	63

JADUAL 1 - ANALISIS KUADRAN A



PELAN TINDAKAN

Berdasarkan kepada bidang keutamaan yang ditetapkan dan strategi yang telah dirancang, pelan tindakan pelaksanaan bagi setiap inisiatif di kuadran A adalah seperti berikut:

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN KEWANGAN & PERAKAUNAN

STRATEGI 1: AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR

OBJEKTIF STRATEGI 1

MEWUJUDKAN BELANJAWAN MEMPUNYAI KEBOLEHPERCAYAAN DAN TELUS YANG TINGGI

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Pegawai mempunyai kepentingan terhadap sesuatu jabatan semasa semakan cadangan perbelanjaan jabatan (<i>Budget Screening</i> jabatan)	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 2

MEMASTIKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI MENDAPAT PULANGAN YANG OPTIMUM

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Manipulasi maklumat dan data bagi membolehkan cadangan pelaburan diluluskan	Menubuhkan Jawatankuasa Khas Penilaian	Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman (APP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 2 (sambungan)**MEMASTIKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI MENDAPAT PULANGAN YANG OPTIMUM**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Penyalahgunaan kuasa pegawai yang diberi tanggungjawab rasmi dalam melaksanakan pelaburan Kerajaan Negeri dan mempengaruhi keputusan ketika melakukan tugas.	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Membangunkan borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan memastikan borang ditandatangani oleh Pegawai Awam	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) <i>No Gift Policy</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Penambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan pelaburan yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 3**MEMASTIKAN PENGURUSAN PEROLEHAN MEMATUHI PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Penyalahgunaan kuasa pegawai yang diberi tanggungjawab rasmi dalam melaksanakan pengurusan perolehan Kerajaan Negeri dan mempengaruhi keputusan ketika melakukan tugas	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Memperkemaskan dan menambahbaik senarai semak permohonan perolehan	Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (PPA)	2 Tahun (2022-2023)
	Memperkasakan pematuhan <i>Code of Conduct</i> berkaitan etika pegawai	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan perolehan yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 3 (sambungan)**MEMASTIKAN PENGURUSAN PEROLEHAN MEMATUHI PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
Penerimaan rasuah untuk menutup kes kehilangan atau penyalahgunaan aset kerajaan	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Memperkasakan pematuhan <i>Code of Conduct</i> berkaitan etika pegawai	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan aset yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 4**MEMASTIKAN TIADA KETIRISAN DI DALAM PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DAN WANG AWAM**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Penyelewengan kutipan wang awam yang tidak diperakaukan boleh mengakibatkan kehilangan wang awam	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan kutipan wang awam yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Membangunkan borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan memastikan borang ditandatangani oleh Pegawai Awam	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 4 (sambungan)			
MEMASTIKAN TIADA KETIRISAN DI DALAM PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DAN WANG AWAM			
Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Dokumen sokongan yang meragukan mengakibatkan kelewatan dalam proses Pulang Balik Hasil dan pembayaran bukan kepada pihak yang sebenar	Memperkemaskan senarai semak (<i>checklist</i>) bagi prosedur kerja utama	Bahagian Pengurusan Hasil (BPH)	2 Tahun (2022-2023)
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Pengurusan Hasil (BPH)	5 Tahun (2022-2026)
Ketidakpatuhan Pegawai memberikan pengecualian/ pengurangan kadar Duti Hiburan tidak mengikut garis panduan	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan Duti Hiburan yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Pengurusan Hasil (BPH)	5 Tahun (2022-2026)
	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab (tindakan tatatertib/tahan gaji)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
Kegagalan dan kelewatan pegawai PTJ memperakaunkan hasil kutipan wang awam	Menggalakkan terimaan secara elektronik @ <i>online</i> kerana lebih mudah dan selamat	Bahagian Pengurusan Hasil (BPH)	5 Tahun (2022-2026)
	Menguatkuasakan pematuhan prosedur pengurusan terimaan dengan lebih ketat	Bahagian Pengurusan Hasil (BPH)	5 Tahun (2022-2026)
	Membangunkan borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan memastikan borang ditandatangani oleh Pegawai Awam	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan kutipan hasil yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)

**OBJEKTIF STRATEGI 5
MEMASTIKAN PENGURUSAN PINJAMAN MENGIKUT TATACARA KEWANGAN YANG TELAH
DITETAPKAN**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Pegawai menerima rasuah berkaitan urusan pinjaman (kelulusan pinjaman, kutipan bayaran balik pinjaman)	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan pinjaman yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)

**OBJEKTIF STRATEGI 6
MEMASTIKAN PENGURUSAN TUNTUTAN DAN BAYARAN DIBUAT BERDASARKAN PROSEDUR
KEWANGAN**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Kebocoran maklumat data sistem iSPEKS kepada pihak ketiga	Menghadkan capaian / akses kepada pegawai	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab (tindakan tatatertib/tahan gaji)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS KORPORAT

STRATEGI 2: MEMPERKUKUHKAN ORGANISASI MELALUI PEMBUDAYAAN NILAI ETIKA DAN TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK

OBJEKTIF STRATEGI 1

MEWUJUDKAN KETULUSAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN ORGANISASI

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Campur tangan pihak berkepentingan dalam memastikan cadangan pelaburan diangkat untuk kelulusan (pertimbangan awal)	Memberi kesedaran mengenai polisi <i>Whistle Blower</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Memperkasakan pematuan <i>Code of Conduct</i> berkaitan etika pegawai	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Memperkasakan fungsi Jawatankuasa Kecil Pelaburan dengan menguatkuasakan Garis Panduan Pelaburan	Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman (APP)	2 Tahun (2022-2023)
	Membangunkan borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan memastikan borang ditandatangani oleh Pegawai Awam	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan pelaburan yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)

OBJEKTIF STRATEGI 2

MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN DOKUMEN SULIT ORGANISASI

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Kebocoran maklumat sulit dan sensitif mengenai tender, sebutharga, anggaran harga, spesifikasi, kontrak dan sebagainya	Memastikan penggiliran dibuat bagi lantikan ahli Jawatankuasa Sebut Harga / Tender.	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 2 (sambungan)**MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN DOKUMEN SULIT ORGANISASI**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan dokumen sulit Perolehan yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
Akses kepada maklumat terperingkat berkaitan perolehan oleh pihak yang tidak diberikan kebenaran	Memastikan pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara pengurusan maklumat berperingkat yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
Wujudnya pakatan antara pihak ketiga dalam mendedahkan maklumat akaun Kerajaan Negeri	Menguatkuasakan pematuhan terhadap mekanisme pusingan kerja	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP),	5 Tahun (2022-2026)
	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) penyelenggaraan <i>User Bank Authorisation</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Mewujudkan senarai semak untuk mengawal dokumentasi <i>User Bank Authorisation</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Menghadkan access di portal bank	Bahagian Pengurusan Dana dan Terimaan (BPDT)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 2 (sambungan)**MENINGKATKAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN DOKUMEN SULIT ORGANISASI**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
	Membangunkan borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan memastikan borang ditandatangani oleh Pegawai Awam	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)
	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 Tahun (2022-2023)

OBJEKTIF STRATEGI 3**MELAHIRKAN WARGA PNS YANG BERDISIPLIN DAN BERINTEGRITI TINGGI**

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Penyalahgunaan kemudahan pejabat untuk tujuan peribadi	Meningkatkan kesedaran penggunaan peralatan kerajaan untuk urusan peribadi selaras dengan peraturan PU(A) 395	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja atau tatacara panduan pengurusan pejabat yang lebih jelas dan komprehensif	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)



BIDANG KEUTAMAAN: MODAL INSAN

STRATEGI 3: MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI DAN KOMPETEN

OBJEKTIF STRATEGI 1 MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN			
Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Kompetensi pegawai tidak mencapai tahap yang diperlukan	Menguatkuasakan kekerapan pusingan kerja dalam organisasi tiga (3) tahun sekali	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Meningkatkan kerjasama strategik dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bagi memastikan perkembangan psikologi kakitangan dipantau	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Memastikan Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) diberi pendedahan dalam sesi <i>reach out</i> yang dilaksanakan secara berterusan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
Ketidakharmonian di dalam organisasi yang mengakibatkan rasa tidak puas hati dan kurang kerjasama	Membuat semakan beban tugas melalui pelaksanaan program bagi menilai tahap psikologi pegawai secara berkala (Contoh: <i>Depression Anxiety Stress Scale</i> (DASS))	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Memperkukuh peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) / Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dalam organisasi	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Merangka program bagi tujuan meningkatkan nilai pengukuhan pasukan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)

BIDANG KEUTAMAAN: INOVASI DIGITALISASI

STRATEGI 4: MEWUJUDKAN *DIGITAL OFFICE* DAN MEMBINA EKOSISTEM SELAMAT TERHADAP DATA DAN MAKLUMAT ELEKTRONIK

OBJEKTIF STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN SISTEM KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Tajuk Risiko	Inisiatif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Ancaman serangan siber	Melaksanakan penyelenggaraan dan penggantian berkala peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
Ancaman kebocoran maklumat digital	Menilai semula Laporan Penilaian Pembekal	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
	Tindakan penambahbaikan ke atas penemuan Laporan Sistem Pengurusan Aset (SPA)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)
Perubahan teknologi yang pantas	Melaksanakan kursus atau program kesedaran dengan mana-mana agensi yang berkaitan untuk meningkatkan pengetahuan, akta, peraturan dan pekeliling berkaitan	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	5 Tahun (2022-2026)





PELAN
**ANTIRASUAH
ORGANISASI**
(OACP) PNS 2022-2026

BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH



MEKANISMA PELAKSANAAN

PENGENALAN

Bab ini memberi fokus kepada mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian Pelan Anti Rasuah (OACP) PNS 2022-2026 (5 Tahun).

Mekanisme ini penting dalam memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif oleh Bahagian yang dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana agar ianya mematuhi jangka masa yang telah ditetapkan dan seterusnya mencapai Visi dan Misi Pelan OACP PNS.



MEKANISMA PEMANTAUAN



Mekanisme ini penting bagi memastikan kerangka Pelan OACP PNS yang dibangunkan dapat mencapai inisiatif bagi setiap risiko yang telah dikenalpasti.

Laporan pencapaian pelaksanaan Pelan OACP PNS dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan keputusan pengurusan tertinggi.

MEKANISMA PENILAIAN



Penilaian pencapaian dan semakan semula keberkesanan Pelan OACP PNS ini akan dijalankan pada **dua (2) tahun sekali** bagi memastikan inisiatif dan pelan tindakan yang dirangka berjaya dilaksanakan dalam menangani permasalahan yang timbul selari dengan kehendak visi dan misi PNS. Kajian semula Pelan OACP PNS dan kajian keberkesanan akan dilaksanakan untuk menentukan keberkesanan secara keseluruhan.





PELAN
**ANTIRASUAH
ORGANISASI**
(OACP) PNS 2022-2026

BAB 4 HARAPAN



HARAPAN

PNS bertekad dan beriltizam untuk memastikan seluruh warganya bebas daripada segala unsur rasuah dan mempunyai integriti tinggi dalam tadbir urus. Tekad ini boleh dicapai melalui pembangunan Pelan (OACP) PNS ini dengan empat (4) bidang keutamaan iaitu Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Tadbir Urus Korporat, Modal Insan dan Inovasi Digitalisasi.

Melalui Pelan OACP PNS ini, adalah diharapkan agar nilai etika dan tadbir urus yang mantap dan penuh integriti dapat diterapkan dan menjadi aspirasi kepada seluruh warga PNS. Pelan OACP PNS ini dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2022 sehingga 2026. Walaubagaimanapun, satu kajian semula Pelan OACP PNS akan dibuat pada tahun 2024 dalam memastikan pelan ini relevan sehingga tahun 2026.

Bagi memastikan kelangsungan Pelan OACP PNS ini, komitmen seluruh warga PNS adalah dituntut memberi kerjasama bagi melaksanakan semua strategi yang telah digariskan.

**“RASUAH DIHINA,
MARUAH DIBINA,
PERBENDAHARAAN
NEGERI SELANGOR
BERTEKAD MENGHAPUS
RASUAH”**

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Haris Bin Kasim atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan sejak awal pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Perbendaharaan Negeri Selangor 2022-2026.

Penghargaan ini juga turut diberikan kepada semua warga kerja Perbendaharaan Negeri Selangor atas sumbangan dan kerjasama yang erat sepanjang mengharungi perjalanan dalam menerbitkan pelan ini.

Semoga hasil usaha ini dapat meraih manfaat dan seterusnya mengangkat martabat Perbendaharaan Negeri Selangor sebagai entiti yang menerajui kecemerlangan dalam perkhidmatan dan pengurusan kewangan yang berintegriti.



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan



+603-5544 7000



+603-5521 2533



<http://pwn.selangor.gov.my>



pwn_helpdesk@selangor.gov.my